

# 2 pelajar NIU pelajari komunikasi autentik dalam BMFIS

Dua pelajar Northern Illinois University (NIU), Amerika Syarikat iaitu Matthew Ropp, 21 tahun dan Derek Koegel, 22 yang mengikuti jurusan Sains Politik berbangga apabila dapat bertutur bahasa Melayu dengan lebih baik setelah mengikuti program Bahasa Melayu untuk Pelajar Antarabangsa (BMFIS) yang memfokuskan komunikasi autentik dalam tempoh enam minggu di bawah seliaan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK).

Menurut Dekan PBMSK, Profesor Dr. Abdul Jalil Borham, program MBfIS yang merupakan siri kedua sejak diperkenalkan UMP pada tahun lalu menekankan unsur autentik di mana bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran adalah bahan yang sememangnya diguna pakai oleh masyarakat tempatan dalam kehidupan harian.

“Sepanjang sesi pengajaran di kelas, pelajar diajar topik-topik yang khususnya menjurus kepada cara hidup serta budaya masyarakat di Malaysia dan keunikan Malaysia yang mempunyai penduduk dari pelbagai bangsa, agama dan budaya.

“Peserta juga diajar tentang topik-topik yang lebih mencabar minda seperti industri automotif, sejarah pahlawan dan pembentukan Malaysia daripada penjajahan British,” katanya semasa menyampaikan sijil penghargaan kepada pelajar yang tamat program di Dewan

Bankuet Canseleri UMP Gambang pada 6 Julai yang lalu.

Katanya, program ini juga memberi peluang kepada pelajar UMP untuk berkongsi idea dan budaya serta mempromosikan universiti ke peringkat global.

Beliau berharap agar program sebegini dapat diteruskan hasil kerjasama UMP dan pihak NIU pada masa akan datang.

Bagi Matthew, pembelajaran amat menyeronokkan apabila beliau dan rakannya, Derek berpeluang mempelajari adat perkahwinan cara Melayu di Pulau Pinang dan juga melawat rumah kelahiran Dr. Mahathir Mohamad di Kedah.

Beliau yang tinggal bersama keluarga angkat di Felda Lepar juga dapat bergaul dengan masyarakat setempat termasuk menyertai aktiviti kenduri-kendara, majlis keraian dan menjalankan aktiviti ladang.

Manakala bagi Derek pengalaman menjalankan temu bual dengan masyarakat setempat dan bertemu dengan orang ramai mampu meningkatkan tahap komunikasi yang berkesan.

Pembinaan modul dan pencarian bahan untuk program melibatkan Profesor dari NIU, James T. Collins serta tiga orang staf akademik PBMSK iaitu pensyarah Dr. Nik Aloesnita Nik Mohd. Alwi, Dr Zailin Shah Yusof dan Guru Bahasa, Siti Muslihah Isnain dengan dibantu oleh lima orang fasilitator.

**“Sepanjang sesi pengajaran di kelas, pelajar diajar topik-topik yang khususnya menjurus kepada cara hidup serta budaya masyarakat di Malaysia dan keunikan Malaysia yang mempunyai penduduk dari pelbagai bangsa, agama dan budaya.”**